



**NOTA PERCAKAPAN  
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

**SIDANG MEDIA**

**PROGRAM PELABELAN INTENSITI TENAGA BANGUNAN  
(*BUILDING ENERGY INTENSITY – BEI*) DI BANGUNAN KERAJAAN  
DAN SWASTA**

---

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera  
and Salam Malaysia Madani**

**YBhg. Dr. Ching Thoo a/l Kim**

Ketua Setiausaha

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

**YBhg. Dato' Mohamad Razif Bin Haji Abd Mubin**

Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim)

**YBrs. Encik Mohd Elmi bin Anas**

Pengarah Jabatan Operasi Industri

Suruhanjaya Tenaga

Wakil-wakil Media dan hadirin yang saya hormati sekalian.

1. Bagi pihak Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kehadiran rakan-rakan media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian ke majlis penyerahan label BEI yang telah berlangsung sebentar tadi.
2. Mungkin ada yang bertanya, mengapa Kerajaan melaksanakan Program penarafan BEI? Menurut data *National Energy Balance* 2020, sektor bangunan di Malaysia menggunakan hampir 26.6% tenaga elektrik yang dijana. Ini adalah bersamaan dengan pelepasan sebanyak 31.6 Metric tonne CO<sub>2</sub>. Kadar penggunaan tenaga elektrik oleh sektor bangunan merupakan kadar kedua tertinggi selepas sektor industri iaitu pada 48.9%.
3. Di peringkat antarabangsa, sektor bangunan dikenal pasti sebagai salah satu sektor paling kos efektif untuk mengurangkan penggunaan tenaga dan memainkan peranan penting dalam transisi sesebuah negara ke arah ekonomi berkarbon rendah (*Low Carbon Economy*) serta menyokong aspirasi kerajaan untuk mencapai pelepasan GHG sifar bersih paling awal menjelang 2050.
4. Di samping itu, pelaburan dalam pelaksanaan *Energy Saving Measures* (ESM) di sektor bangunan dan peralihan kepada penggunaan peralatan yang cekap tenaga dapat mewujudkan sektor ekonomi yang baharu selain dapat membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.
5. Dengan kesedaran ini, inisiatif Pelabelan BEI oleh pihak Suruhanjaya Tenaga telah dimulakan secara berperingkat pada tahun 2018. Fasa

awal pelaksanaan BEI melibatkan bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan dan kemudiannya diperluaskan kepada bangunan-bangunan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, hospital dan klinik Kerajaan.

6. Alhamdulillah sukacita saya ingin memaklumkan bahawa sehingga September 2023, sebanyak 441 buah bangunan Kerajaan Persekutuan serta agensi, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan telah dilabel. Kini, bangunan-bangunan komersial milik swasta turut diberikan penarafan BEI.
7. Untuk 5 tahun yang akan datang iaitu 2024 sehingga 2028, NRECC menyasarkan sebanyak 600 buah bangunan termasuk bangunan pejabat, hospital dan universiti untuk dilabel. Manakala lebih 1,000 buah bangunan pejabat, hospital, universiti dan sekolah disasarkan akan dilabel bagi tahun 2028 dan seterusnya.
8. Pelabelan BEI adalah instrumen yang mudah dan boleh digunapakai dengan segera untuk menilai prestasi kecekapan penggunaan tenaga di dalam sesebuah bangunan. Pelabelan prestasi BEI membolehkan pemilik bangunan memantau penggunaan tenaga elektrik dan membuat perbandingan dengan bangunan lain. Penarafan ini menggalakkan pemilik bangunan mengoptimumkan tahap penggunaan tenaga di bangunan mereka serta mengamalkan langkah-langkah penggunaan tenaga secara cekap.
9. Inisiatif penarafan BEI ini juga adalah sebahagian daripada perancangan dan elemen utama dalam pelaksanaan Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga kelak.

Nota:

*Kenyataan media mengenai Program Pelabelan Intensiti Tenaga Bangunan telah diedarkan kepada pihak media*

### **SESI SOAL JAWAB MEDIA**

*(YBM akan meneruskan majlis dengan menerima dan menjawab soalan daripada wakil-wakil media)*

**25 OKTOBER 2023**

**BAHAGIAN TENAGA LESTARI**

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**